

## Pelancaran Peruncitan Global Fenty Skin

***"Saya sentiasa mahu memastikan bahawa setiap orang mempunyai akses kepada produk penjagaan kulit dan kecantikan yang hebat. Membawa Fenty Skin ke Sephora di seluruh dunia, termasuk Boots dan Harvey Nichols, kini akan memberi peluang kepada semua orang di mana-mana sahaja untuk menikmati pengalaman peruncitan Fenty Skin, sebagai tambahan kepada Fenty Beauty, semuanya di bawah satu bumbung." – Rihanna***

SAN FRANCISCO, 29 Disember 2020 /PRNewswire/ -- Fenty Skin - jenama sulung Rihanna – kini akan berada di Sephora, Boots dan Harvey Nichols di lokasi terpilih di seluruh dunia bermula pada 26 Disember 2020. Rihanna membangunkan Fenty Skin melalui kerjasama dengan jenama Kendo, sebuah syarikat pembangun kecantikan milik LVMH, pada awal tahun ini dengan misi yang kukuh untuk memberi penyelesaian mudah kepada semua ton dan jenis kulit. Melalui pengembangan ini, Fenty Skin akan menjadi lebih mudah diakses oleh lebih ramai pengguna dengan lokasi di 30 buah negara.

Fenty Skin menampilkan Budaya Baharu dalam Penjagaan Kulit iaitu memberi penjagaan kulit yang bersih, mudah dan berkesan untuk semua orang. Setiap produk serba guna ini mudah untuk diguna dan dipenuhi dengan pelbagai kebaikan. Ia direka untuk melengkapkan alat solek Fenty Beauty dan telah diuji pada semua jenis kulit dan ton untuk memberikan hasil yang terbaik secara keseluruhan. Dengan pengembangan peruncitan Fenty Skin, pembeli boleh mendapatkan dan menggunakan Fenty Skin dan Fenty Beauty dengan mudah, semuanya di bawah satu bumbung.

Diilhamkan dari gaya hidupnya yang global, Rihanna mengumpul bahan-bahan dari seluruh dunia dan menggabungkannya dengan bahan terpenting untuk penjagaan kulit seperti asid hialuronik dan niasinamida untuk mendapatkan hasil yang telah terbukti secara klinikal. Beliau memberi keutamaan kepada formula-formula bersih yang juga vegan, bebas daripada kekejaman haiwan, bebas gluten dan peka alam sekitar: Pelembab spf untuk kegunaan siang hari mesra terumbu karang dengan pembungkusan yang mengutamakan bahan boleh dikitar semula serta pek isian semula pintar yang mengekalkan citarasa mewah. Beliau turut meningkatkan keseluruhan pengalaman dengan tekstur yang lembut dan unik serta haruman yang wangi dan bersih. Melalui Fenty Skin, Rihanna berkongsi rutin penjagaan kulit yang menjadi amalannya untuk mendapatkan kulit yang kelihatan cerah dan sihat di waktu pagi dan malam.

Koleksi Fenty Skin termasuk:

- **Total Cleans'r Remove-It-All Cleanser** (\$25), pembersih alat solek dan pencuci muka dua dalam satu, dengan buih berkrim untuk membuang kotoran, minyak dan solekan tahan lama tanpa mengeringkan kulit.
- **Fat Water Pore-Refining Toner Serum** (\$28), hibrid toner-serum baharu yang menyasarkan pori, memperbaiki rupa bintik gelap, mencerahkan, melancarkan dan anti kilat—kesemuanya ini tanpa membuat kulit mengelupas.
- **Hydra Vizor Invisible Moisturizer Broad Spectrum SPF 30 Sunscreen** (\$35, isian semula \$30), merupakan pelembab dan pelindung matahari dua dalam satu, yang ringan, bebas minyak dan tidak dapat dilihat pada semua ton kulit dengan warna merah jambu yang kurang jelas. Ia memberi tindak balas kepada dehidrasi, penyahwarna dan bintik gelap serta mesra solekan - tidak bercapuk atau melantunkan cahaya. Selain itu, ia boleh diisi semula.
- **Instant Reset Overnight Recovery Gel-Cream** (\$40; isian semula \$36), pelembab krim-gel mewah yang menghidrat serta-merta, mengurangkan penampilan garisan halus dan kedutan untuk menghasilkan kulit yang lebih segar dan lebih cerah pada waktu pagi. Dalam hanya satu minggu, pori-pori dan bintik-bintik hitam akan turut kelihatan lebih elok. Selain itu, ia boleh diisi semula.
- **Fenty Skin Start'r Set (\$40)**, set 3-bahagian yang merangkumi Total Cleans'r, Fat Water dan Hydra Vizor dalam pek pengembara bersaiz mini.

Maklumat Perhubungan: Perhubungan PR: Ali Bucky Dishi, BOLD PR; [ali@boldpr.com](mailto:ali@boldpr.com); atau Natalie Krause, BOLD PR; [Natalie@boldpr.com](mailto:Natalie@boldpr.com)